- Makan tengah hari tidak akan disediakan pada hari anda mendaftar keluar. Kami meminta kerjasama anda untuk mengosongkan bilik selepas pembayaran dibuat. Setelah mendapat kebenaran doktor untuk discaj, anda mungkin memerlukan satu atau dua jam untuk menyelesaikan semua proses terbabit. Sekiranya anda perlu meninggalkan hospital sebelum bil disiapkan dan/atau surat pengesahan dari syarikat insuran dikeluarkan, anda perlu menjelaskan bil semasa atau menandatangani baucer kad kredit terbuka. Sebarang bayaran lebihan akan dipulangkan dan kami berharap agar anda dapat menjelaskan baki tertunggak dengan secepat mungkin.

Pembayaran Balik

Sebarang bayaran berlebihan daripada jumlah bil yang diterima akan dipulangkan semula. Bayaran balik adalah dalam bentuk tunai, cek atau kad kredit bergantung kepada cara bayaran yang diterima. Sebarang bayaran balik yang dibuat pada hari Ahad, cuti umum persekutuan atau negeri akan dijelaskan pada hari bekerja yang berikutnya manakala kad kredit dalam tempoh 7 hari bekerja. Cek akan dimasukkan terus ke akaun pembayar dalam masa 10 hari bekerja.

Waktu Operasi:

- 9.00 pagi - 6.00 petang (Isnin hingga Jumaat)
- 9.00 pagi - 5.00 petang (Sabtu, Ahad, & Cuti Umum)
- Kaunter Discaj – Tingkat G, Menara B

- 9.00 pagi - 4.00 petang (Isnin hingga Jumaat)
- Tutup (Sabtu, Ahad, & Cuti Umum)
- Kaunter Discaj – Tingkat G, Menara C



ALIRAN KERJA PROSES KEMASUKAN



24



Dokumen yang dikehendaki

- Borang Daftar Masuk
- Dokumen Pengenalan: Bagi pesakit & penjamin (Mykad Malaysia atau Pasport sahaja)
- Kad Janji Temu SunMed
- Deposit
- Sebarang Surat Jaminan atau Kad Insuran yang dimiliki oleh pesakit



Deposit

- Pesakit Bayar Sendiri: Harga bergantung kepada jenis rawatan
- Pesakit dengan Surat Jaminan: Perlu membayar deposit RM500



Bilik

- Pra-tempahan bilik tidak dibenarkan dan jenis bilik adalah tertakluk kepada kekosongan
- Semak dengan syarikat insurans anda mengenai kelayakan jenis bilik anda
- Periksa dengan syarikat insurans anda sama ada bayaran bersama akan dikenakan bagi permintaan untuk menaik taraf bilik




Insurans / Surat Jaminan Syarikat

- Berdasarkan data kami, purata masa 3 jam diperlukan bagi kelulusan Surat Jaminan Awal
- Jangkaan masa purata tersebut mungkin berbeza, bergantung kepada penilaian perlindungan insurans anda

Pesakit yang ingin pulang ke rumah / meninggalkan premis dan sebagainya semasa menunggu untuk kemasukan wad dikehendaki mendapatkan kebenaran daripada doktor pakar berkaitan. Sila rujuk kepada jabatan kemasukan bagi mendapatkan kebenaran.



ALIRAN KERJA PROSES DISCAJ



Pesakit yang ingin meninggalkan hospital sebelum menerima Surat Jaminan Muktamad perlu meninggalkan bayaran deposit sebanyak RM500.00.

Bagi mendapatkan perkhidmatan dan peralatan selepas discaj, sila rujuk Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Di Rumah Sunway di halaman 45.



Penjagaan Pembedahan Harian

Maklumat Penting

- Doktor akan menilai kesesuaian pesakit untuk menjalani pembedahan harian sebelum memaklumkan tarikh pembedahan kepada pesakit.
- Penjagaan untuk pesakit pembedahan harian adalah serupa dengan pembedahan lain.
- Pesakit akan beristirehat di Unit Penjagaan Harian dan mungkin akan pulang ke rumah pada hari yang sama.

Langkah Keselamatan

- Anda MESTI ditemani seorang dewasa yang boleh membawa anda pulang ke rumah selepas selesai prosedur.
- Bagi tujuan keselamatan, jangan bawa barangan berharga semasa menginap di Pusat Perubatan Sunway. Hanya almari kecil disediakan secara percuma. Jika anda ingin menggunakan servis tambahan ini, sila hubungi jururawat untuk bantuan. Walau bagaimanapun, Pusat Perubatan Sunway tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan barangan peribadi anda yang disimpan dalam kotak deposit hospital tersebut.
- Elakkan membawa kanak-kanak bersama ke hospital jika boleh.
- Sila rujuk kepada doktor mengenai sebarang prosedur sebelum pembedahan atau sekiranya anda perlu berpuasa.

Pada Hari Kemasukan Ke Wad Pembedahan Harian

- Sila bawa dokumen berikut:
 - Senarai ubat yang sedang anda ambil, dan maklumkan kepada doktor/ jururawat jika anda mempunyai sebarang alahan
 - Kad pengenalan/pasport
 - Kad janji temu anda
 - Kad Insurans/Surat Jaminan
 - Sila mendaftar di kaunter pendaftaran Pembedahan Harian
 - Sepasang pakaian untuk dipakai semasa pulang ke rumah
- Pesakit mungkin dimasukkan ke wad untuk pemantauan lanjut. Sekiranya perlu, doktor akan berbincang dengan lebih lanjut dengan pesakit.
- Katil akan diberi berdasarkan siapa yang terdahulu. Anda akan diberi pilihan untuk dimasukkan ke wad lain yang mempunyai katil kosong. Bayaran yang dikenakan mungkin berbeza. Sila rujuk kakitangan Pendaftaran/ Pejabat Pengurusan untuk pengesahan.

Waktu Operasi:

6.30 pagi - 6.00 petang (Isnin hingga Jumaat)

6.30 pagi - 2.00 petang (Sabtu)

Tutup pada hari Ahad dan Cuti Umum

Minuman Ringan

Selepas mendapat kelulusan daripada doktor anda, anda boleh mengambil minuman ringan selepas prosedur.

Ubat-ubatan

Setelah mendaftar keluar, anda mungkin diberi ubat untuk dibawa pulang. Ubat ini boleh diambil di Farmasi di Tingkat Bawah setelah membuat bayaran.

Pelepasan dan Daftar Keluar

Anda mesti ditemani oleh seseorang untuk pulang jika anda diberikan ubat bius.

- Anda TIDAK sepatutnya
 - Memandu kenderaan
 - Mengendalikan peralatan atau mesin
 - Mengambil minuman beralkohol
 - Membuat keputusan yang penting
 - Menjaga kanak-kanak tanpa bantuan
- Kesan ujian dan ubat biasanya akan hilang pada keesokan hari dan anda boleh meneruskan aktiviti harian seperti biasa.
- Anda boleh meneruskan diet harian melainkan mendapat arahan doktor.
- Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau ketidakpastian, sila dapatkan nasihat doktor.
- Jika anda mengalami kesakitan, pendarahan atau demam selepas prosedur pembedahan, anda mesti menghubungi Pusat Perubatan Sunway dengan segera.



Pediatrik

Maklumat Penting

- Wad pediatrik terdiri daripada bilik suite, deluxe, unit berkatil satu, dua dan empat. Semua bilik dilengkapi dengan:
 - Telefon
 - Bilik air
 - Katil sofa dalam bilik Deluxe dan Premier
 - Sistem Loceng Panggilan jururawat
- Satu orang dewasa digalakkan untuk menemani pesakit pediatrik (di bawah 12 tahun) sepanjang masa sewaktu penginapan mereka di hospital. Kehadiran ahli keluarga/penjaga akan memberikan sokongan emosi kepada kanak-kanak dan melegakan kerisauan mereka. Hanya penjaga wanita dibenarkan di bilik berkatil dua atau empat.
- Sila maklumkan kepada pihak hospital jika anda mempunyai keperluan diet yang khusus kecuali jika mendapat arahan khas dari Doktor/Pakar Pemakanan kami semasa daftar masuk.
- Makanan percuma akan disajikan kepada penjaga untuk kanak-kanak berumur 3 tahun ke bawah.
- Katil kanak-kanak disediakan bagi kanak-kanak di bawah umur empat tahun.
- Ibu bapa mesti memberitahu jururawat wad jika mereka perlu keluar dari wad dengan atau tanpa pesakit.

Proses Discaj

- Setelah pakar pediatrik memutuskan anak anda telah sihat dan boleh pulang ke rumah, kakitangan wad akan memaklumkan anda tentang urusan seterusnya.
- Kami akan menjadualkan janji temu susulan dengan doktor yang berkenaan.
- Setelah bil anak anda disediakan, anda perlu menjelaskan bayaran di Kaunter Daftar Keluar di Tingkat Bawah. Seterusnya, sila ambil ubat jika ada.

Barangan Yang Mungkin Membantu Pesakit Pediatrik

Ibu bapa / penjaga digalakkan membawa beberapa barangan peribadi anak mereka semasa berada di hospital, contohnya:

- Mainan kegemaran
- Pakaian
- Selimut / bantal
- Peralatan dandanan
- Botol susu
- Cecair mandian



Perbidanan

Maklumat Penting

- Semua bilik dilengkapi dengan:
 - Televisyen
 - Peti sejuk
 - Bilik air
 - Sistem Panggilan Loceng jururawat
- Penjaga tidak dibenarkan di bilik berkatil dua dan empat kecuali dengan kebenaran khas dari Ketua Jururawat. Hanya penjaga wanita sahaja dibenarkan.
- Sila maklumkan kepada pihak hospital jika anda mempunyai keperluan diet yang khusus kecuali jika mendapat arahan khas dari Doktor/Pakar Pemakanan kami semasa daftar masuk.
- Sila maklumkan kepada jururawat wad jika anda perlu keluar dari wad sewaktu menginap di wad.

Semasa Berada Di Hospital

Ibu

- Semasa anda dimasukkan ke Dewan Bedah hospital, katil di Wad Bersalin juga akan disediakan untuk anda. Caj untuk kedua-dua bilik akan dikenakan. Hanya suami dibenarkan menemani anda dalam Dewan Bedah.
- Jenis bilik adalah bergantung kepada kekosongan.
- Terdapat pelbagai cara menangani kesakitan yang disyorkan oleh doktor:
 - a. Senaman ketenangan dan pernafasan
 - b. Ubat tahan sakit (suntikan Pethidine atau gas Entonox)
 - c. Epidural
- Anda akan dipantau dalam Dewan Bedah sekurang-kurangnya satu jam selepas bersalin sebelum dihantar ke Wad Bersalin. Bayi anda akan berada bersama anda dalam Dewan Bedah untuk memulakan penyusuan dan menjalin kemesraan jika keadaan bayi anda stabil.

Bayi

- Bayi anda akan dihantar ke Nurseri untuk penjagaan seterusnya selepas penyusuan pertama di Dewan Bedah.
- Penyusuan badan dan tidur bersama bayi amat digalakkan. Sila maklumkan kepada Jururawat Nurseri jika anda ingin tidur bersama bayi anda atau jika anda memerlukan sebarang bantuan.
- Hanya jururawat beruniform dibenarkan menghantar bayi ke Nurseri.

Talian Bantuan Penyusuan Badan (24 jam)

Tel: 03 7494 1388

Kami akan membantu menyelesaikan kebimbangan dan persoalan berkenaan penyusuan ibu.

- Pakar Pediatrik akan memeriksa bayi anda setiap hari dan pada bila-bila masa jika diperlukan.
- Vaksinasi adalah amat disyorkan. Ia akan diberikan oleh jururawat terlatih setelah mendapat kebenaran anda. Semua vaksin yang digunakan adalah selamat dan berkesan serta mematuhi peraturan Kementerian Kesihatan.
- Pusat Perubatan Sunway mengamalkan polisi Ujian Saringan Pendengaran Bayi mengikut piawaian antarabangsa. Ia adalah ujian pendengaran untuk bayi dan akan dilakukan oleh seorang pakar audiologi atau juruteknik audio yang dipraktisi semasa tempoh anak anda berada di hospital.
- Caj tambahan akan dikenakan untuk ujian ini.

Pelepasan dan Daftar Keluar

- Setelah mendapat kebenaran daripada doktor untuk pulang ke rumah, kakitangan wad kami akan memaklumkan anda tentang urusan seterusnya.
- Pakar Pediatrik akan memeriksa bayi anda untuk memastikan ia sihat untuk pulang bersama anda.
- Kami akan menjadualkan janji temu susulan dan rawatan selepas bersalin dengan doktor anda.
- Setelah bil bayi dan bil anda disediakan, anda perlu menjelaskan bayaran di Kaunter Discaj di Tingkat Bawah. Seterusnya, sila ambil ubat jika ada.
- Sebelum meninggalkan wad, anda akan diberi nasihat mengenai pendaftaran kelahiran bayi, penjagaan bayi dan vaksinasi susulan oleh kakitangan kami yang terlatih.
- Pengawal Keselamatan kami di wad akan menanggalkan gelang tangan dari anda dan bayi anda sebelum keluar dari hospital.

Barangan Yang Perlu Dibawa Semasa Mendaftar Masuk**Ibu:**

- Kad Janji Temu/Surat Daftar Masuk oleh doktor
- Pakaian
- Baju dalam untuk menyusu
- Barangan dandananan
- Selipar yang tidak licin

Bayi:

- 2 pasang pakaian bayi
- Selimut bayi
- Sarung kaki dan tangan bayi



**SILA TEKAN LOCENG PANGGILAN JURURAWAT
DI DALAM BILIK ANDA**

KESIHATAN DAN KESELAMATAN ANDA

KESELAMATAN PERUBATAN

Apabila dimasukkan ke hospital, ubat anda mungkin berubah. Anda perlu mengetahui tentang ubat baru yang dipreskripsikan oleh doktor anda. Ini penting untuk penyembuhan anda.

Pada hari pertama di hospital, kami akan bertanya tentang ubat-ubatan yang diambil di rumah. Anda perlu memberitahu kami semua jenis ubatan yang diambil termasuk ubatan terkawal, vitamin serta suplemen herba yang anda sedang ambil. Jangan ambil sebarang ubat sendiri semasa anda dimasukkan ke hospital kerana doktor anda akan menetapkan ubat-ubatan. Jika ubat yang anda bawa memenuhi kriteria hospital dan boleh digunakan, jururawat kami akan mentadbir ubat tersebut dan sila ambil dengan segera apabila diberi. Sila maklumkan kepada kami tentang sebarang alahan atau kesan sampingan yang mungkin anda alami terhadap ubat-ubatan, makanan atau suplemen.

Sila tanyakan soalan-soalan berikut kepada pasukan penjagaan kesihatan anda:

- **Apakah nama ubat yang diberi dan mengapakah saya perlu mengambilnya?**
- **Bilakah dan bagaimanakah saya mengambil ubat itu dan sehingga bila?**



- **Adakah sebarang makanan, minuman atau aktiviti yang perlu saya elakkan semasa mengambil ubat tersebut?**

- **Adakah ubat tersebut memberi sebarang kesan sampingan? Jika ada, apakah yang perlu saya lakukan jika saya mengalaminya?**



PEMERIKSAAN MAKLUMAT PERIBADI

Jururawat dan penyedia penjagaan kesihatan dikehendaki mengesahkan identiti anda seperti nama dan tarikh lahir sebelum meneruskan layanan seterusnya. Prosedur ini mungkin berulang sepanjang tempoh penginapan anda. Tindakan ini dibuat sebagai perlindungan berganda bagi memastikan keselamatan anda.

PANDUAN SALURAN TV MENARA B



NO	NAMA SALURAN	
1		TV1 RTM
2		TV2 RTM
3		TV3
4		ASTRO AWANI
5		CNN
6		BLOOMBERG TV
7		NTV7
8		TV8
9		TV9
10		ASTRO RIA
11		ASTRO WAH LAI TOI HD
12		CELESTIAL MOVIES HD
13		SUN TV
14		ASTRO CITRA
15		NATIONAL GEOGRAPHIC HD
16		BOOMERANG
17		AXN HD
18		CINEMAX
19		HBO HD
20		ASTRO SUPERSPORTS HD
21		ASTRO SUPERSPORTS 2 HD
22		AL JAZEERA

PANDUAN SALURAN TV MENARA C, D & E



NO	NAMA SALURAN	
1		TV1 RTM
2		TV2 RTM
3		TV3
4		ASTRO AWANI HD
5		ASTRO NICKELODEN HD
6		ASTRO BLOOMBERG HD
7		NTV7
8		8TV
9		ASTRO JAZZ RADIO
10		ASTRO RIA HD
11		ASTRO DISCOVERY ASIA HD
12		ASTRO CELESTRAL HD
13		ASTRO BBC NEWS HD
14		ASTRO VINMEEN HD
15		ASTRO LOVE NATURE HD
16		ASTRO DREAM WORK HD
17		ASTRO AXN HD
18		ASTRO CINEMAX HD
19		ASTRO HBO HD
20		ASSP HD
21		ASSP 2 HD
22		AL JAZEER ENGLISH

KHIDMAT PESAKIT

Daftar Masuk & Keluar

Kaunter Kemasukan & Discaj terletak di Tingkat Bawah, Menara B dan C bagi dewasa, manakala kaunter Kemasukan & Discaj kanak-kanak terletak di Tingkat G, Menara D.

Pusat Pesakit Antarabangsa

Pusat Pesakit Antarabangsa (IPC) yang terletak di Tingkat G, Menara C menawarkan perkhidmatan bantuan perubatan peribadi kepada pesakit luar negara dan juga warganegara asing yang menetap di sini.

Tel: +603 7494 1098 / +603 7494 1011

Emel: smc.ipc@sunway.com.my

Waktu Operasi:

8.00 pagi – 7.00 malam (Isnin – Jumaat)

8.30 pagi – 1.00 tengah hari (Sabtu)

Tutup pada Ahad dan Cuti Umum



Penterjemah

- Penterjemah Bahasa Indonesia Tel: +603 7494 1011 / +603 7494 1009
- Penterjemah Bahasa Korea Tel: +603 7494 1007
- Penterjemah Bahasa Mandarin Tel: +603 7494 1098 / +603 7494 1010
- Penterjemah Bahasa Jepun Tel: +603 7494 1026

* Sekiranya anda memerlukan bantuan penterjemah sepanjang penginapan anda, sila berhubung dengan jururawat anda.

Perkhidmatan Pelanggan

Jabatan Perkhidmatan Pelanggan kami terletak di Tingkat G, Menara B

Tel: 03 7491 1281

Fax: 03 7491 1488

Emel: smc@sunway.com.my

Waktu Operasi:

Kaunter Maklumat

8.00 pagi – 9.00 malam

(Isnin – Jumaat, termasuk Cuti Umum)

Pejabat Perkhidmatan Pelanggan:

8.30 pagi – 5.30 petang (Isnin – Jumaat)

8.30 pagi – 1.00 tengah hari (Sabtu)

Tutup pada Ahad dan Cuti Umum



Kemalangan & Kecemasan (A&E)

Jabatan Kemalangan & Kecemasan (A&E) kami memberikan rawatan komprehensif seperti rawatan resusitasi, penstabilan semula, pengurusan bencana, rawatan pesakit luar am dan rujukan kepada pakar perunding untuk kemasukan wad. Semua pesakit yang menerima rawatan di Jabatan A&E akan dinilai tahap kesakitan di Kaunter Triage semasa tiba.

Terdapat tiga zon di Jabatan A&E:

- Zon Merah
- Zon Kuning
- Zon Hijau

Tel: 03 7491 1162

Fax: 03 7491 1161

Waktu Operasi: 24 jam setiap hari

Jabatan Kecemasan Kanak-Kanak kami di Menara D menyediakan penjagaan menyeluruh untuk kanak-kanak yang merangkumi resusitasi, penstabilan, penjagaan pesakit luar am dan rujukan kepada pakar perunding untuk kemasukan ke wad. Semua pesakit yang hadir mendapatkan rawatan akan disaring di Kaunter Triage semasa tiba.

Terdapat tiga zon di Jabatan Kecemasan Kanak-Kanak:

- Zon Merah
- Zon Kuning
- Zon Hijau

Tel: 03 7491 2801

Waktu Operasi: 24 jam setiap hari



Pusat Kawalan Teleperubatan

Pusat Kawalan Teleperubatan kami merupakan pusat teleperubatan pertama di Malaysia yang menyediakan khidmat konsultasi maya 24 jam merangkumi nasihat kesihatan, cadangan pakar dan kepakaran, perkhidmatan yang tersedia, anggaran kos, dan perkhidmatan ambulans kepada pesakit dari keselesaan rumah mereka.

Tel: 03 7491 9191

Whatsapp: +6019-388 3281

Emel: sunmedtcc@sunway.com.my

JABATAN REKOD PERUBATAN

Jabatan Rekod Perubatan (MRD) di Pusat Perubatan Sunway menyediakan perkhidmatan untuk tuntutan:

- ✓ Pengisian borang insurans / PERKESO / KWSP
- ✓ Laporan perubatan bertulis
- ✓ Laporan siasatan

Maklumat perubatan hanya akan dikeluarkan setelah mendapat kebenaran bertulis dari pesakit. Bagi pesakit di bawah umur 18 tahun ataupun telah meninggal dunia / hilang keupayaan untuk memberikan kebenaran, kebenaran daripada ibubapa pesakit, penjaga, saudara terdekat atau wakil sah yang dilantik oleh pesakit / ahli keluarga diperlukan.

Sila imbas kod QR untuk menuntut laporan perubatan anda atau log masuk ke: sunwaymedical.com/request-for-a-medical-report



Bagaimana untuk memohon Laporan Perubatan?

Anda boleh memohon Laporan Perubatan anda menggunakan salah satu kaedah berikut:

- ✓ Memohon di Kaunter Jabatan Rekod Perubatan (Tingkat LG, Menara C)
- ✓ Emel ke: sunmedmri@sunway.com.my
- ✓ Melalui pos ke: **Jabatan Rekod Perubatan**

Pusat Perubatan Sunway Sdn Bhd
Tingkat LG, Menara C,
No 5, Jalan Lagoon Selatan, Bandar Sunway
47500 Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Apakah dokumen yang diperlukan?

Anda mesti menghantar borang yang lengkap diisi bersama dokumen seperti yang tersenarai di bawah untuk diproses. Sekiranya anda ingin memohon melalui emel, anda perlu menyertakan dokumen yang lengkap dan emel ke sunmedmri@sunway.com.my.

- ✓ Borang Discaj Wad yang Lengkap (termasuk tandatangan pesakit sebagai bukti kebenaran).
- ✓ Salinan dokumen pengenalan pesakit (Kad Pengenalan atau Pasport)
- ✓ Salinan dokumen pengenalan pemohon (Kad Pengenalan atau Pasport), jika pemohon bukan pesakit.
- ✓ Mana-mana yang berkenaan: Surat Permohonan Rasmi contohnya Surat Pertanyaan / Borang Tuntutan dari Syarikat Insurans, Surat Peguam, Borang PERKESO dan lain-lain.

Bagaimanakah saya boleh menghubungi Jabatan Rekod Perubatan?

Anda boleh menghubungi warga kerja MRD di:

- ✓ **Telefon: +603-7491 1131 (Waktu Perniagaan sahaja)**
- ✓ **sunmedmri@sunway.com.my**

Berapa lamakah masa yang diambil untuk mendapatkan Laporan Perubatan?

Lazimnya, Laporan Perubatan atau Tuntutan Insurans siap diproses dalam masa 2-4 minggu dari masa semua dokumen dan pembayaran diterima. Terdapat kes di mana pemohonan mungkin mengambil masa yang lebih lama daripada masa yang dijangka. Kelewatan tersebut mungkin disebabkan:

- ✓ Ketidadaan doktor (contohnya sedang bercuti)
- ✓ Pesakit masih mempunyai janji temu di klinik
- ✓ Pesakit masih menginap di hospital
- ✓ Laporan perubatan pesakit diperlukan daripada beberapa orang doktor
- ✓ Sesi klinik doktor di Pusat Perubatan Sunway yang terhad; (contohnya hanya dua sesi seminggu)
- ✓ Doktor pelawat tanpa sesi klinik di Pusat Perubatan Sunway

Laporan Perubatan dari Pakar dan kes Ganti Rugi Pekerjaan mungkin memerlukan masa prosesan yang lebih lama iaitu lebih kurang 30 hari bekerja kerana penilaian di Klinik Pakar Pesakit Luar mungkin diperlukan selepas pesakit keluar dari hospital atau diberikan tarikh terbuka oleh klinik penilaian.

Permohonan untuk laporan siasatan akan siap dalam masa 3-5 hari bekerja selepas dihantar ke MRD.

Berapakah bayaran untuk Laporan Perubatan?

Bayaran untuk Laporan Perubatan adalah seperti yang tertera di bawah. Jadual ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Caj tambahan mungkin dikenakan untuk mendapatkan laporan dan anda akan dimaklumkan terlebih dahulu. Bayaran tambahan akan dikenakan setelah laporan siap.

JENIS LAPORAN	HARGA (BERMULA DARIPADA)**
Borang Insurans/PERKESO/KWSP Biasa (Dilengkapkan oleh Pegawai Perubatan – Doktor A&E) Memberikan maklumat ringkas tentang diagnosis terakhir, prosedur yang dijalankan dan tarikh perundingan.	RM50
Borang Insurans/PERKESO/KWSP Biasa (Dilengkapkan oleh Doktor Pakar) Memberikan maklumat ringkas tentang diagnosis terakhir, prosedur yang dijalankan dan tarikh perundingan.	RM70
Borang Insurans/PERKESO/KWSP Terperinci (Dilengkapkan oleh Doktor Pakar) Memberikan maklumat lebih terperinci tentang diagnosis, prosedur yang dijalankan, keadaan kesihatan dan/atau rawatan yang diberikan	RM105 – RM125
Laporan Perubatan – Ringkas (Laporan Perubatan Bertulis oleh Pegawai Perubatan – Doktor A&E)	RM100

JENIS LAPORAN	HARGA (BERMULA DARIPADA)**
Laporan Perubatan – Ringkas (Laporan Perubatan Bertulis oleh Doktor Pakar)	RM105 – RM175
Laporan Perubatan Untuk Peguam (Ringkas) (Laporan Perubatan Bertulis oleh Doktor Pakar)	RM175
Laporan Perubatan Untuk Peguam (Pertengahan) (Laporan Perubatan Bertulis oleh Doktor Pakar)	RM275
Laporan Perubatan Untuk Peguam (Kompleks) (Laporan Perubatan Bertulis oleh Doktor Pakar yang mengandungi pendapat atau prognosis khusus)	RM530
Salinan Sijil Perubatan/Laporan Makmal/Laporan Radiologi/ Lain-lain	RM0.50 sekeping

****Tertakluk kepada perubahan. Caj tambahan akan ditanggung oleh pesakit jika ujian lanjut seperti x-ray atau prosedur makmal diperlukan dalam laporan perubatan.**

Apakah cara pembayaran?

Bayaran boleh dilakukan secara:

- ✓ Tunai
- ✓ Cek atas nama: "Sunway Medical Centre Sdn Bhd"
- ✓ E-Bayaran melalui iPay88: Pautan pembayaran akan dihantar kepada anda melalui e-mel

Bagaimanakah saya akan menerima Laporan Perubatan yang lengkap?

Setelah laporan anda siap, kami akan menghubungi anda untuk memaklumkan kepada anda. Anda boleh memilih sama ada:

1. Mengambil laporan di kaunter MRD:
 - ✓ Pengesahan ID (Kad Pengenalan atau Pasport) diperlukan sebelum pengambilan laporan
 - ✓ Resit original mesti ditunjukkan semasa mengambil laporan
 - ✓ Jika mengambil bagi pihak pemohon, surat kebenaran yang ditandatangani oleh pesakit diperlukan
2. Menerima laporan melalui e-mel:
 - ✓ Kami akan menghantar laporan ke alamat e-mel yang ditulis di Borang Discaj Wad
 - ✓ Fail laporan akan dienkrpsi dengan kata laluan demi tujuan keselamatan
3. Menerima laporan melalui pos:
 - ✓ Laporan akan dihantar ke alamat yang ditulis di Borang Discaj Wad
 - ✓ Bayaran akan dikenakan untuk perkhidmatan pos

KEMUDAHAN



7-Eleven

Kedai serbaneka 7-Eleven terletak di Tingkat G.



Kafe SunMed

Terletak di Tingkat LG, Menara B, Kafe SunMed menyediakan seleksi makanan yang berkhasiat untuk memenuhi citarasa pelawat hospital. Beroperasi setiap hari untuk hidangan sarapan pagi, minum pagi dan petang, serta makan tengah hari.

Waktu Operasi:

7.00 pagi – 7.00 malam (Isnin – Jumaat)

7.00 pagi – 5.00 petang (Hujung minggu dan cuti umum)



Faye's Florist & Gifts

Terletak di Tingkat G, Menara C, Faye's Florist & Gifts menjual pelbagai pilihan hadiah dan bunga.

Waktu Operasi:

9.00 pagi – 9.00 petang (Setiap Hari)

Cuti Umum – Tertakluk Kepada Perubahan

40

KEMUDAHAN



Subway

Dengan hidangan makanan segera yang berkhasiat, kualiti Subway adalah yang terunggul. Sandwic Subway disediakan di depan pelanggan sebagaimana cara yang diigini oleh pelanggan dan segera - dengan menggunakan roti yang baru dibakar dan pelbagai pilihan sos dan topping yang sedia ada. Terletak di Tingkat G, Menara B.

Waktu Operasi:

8.00 pagi – 8.00 malam (Isnin - Ahad)

8.00 pagi – 8.00 malam (Cuti Umum)



Starbucks Coffee

Nikmati kopi terkenal di dunia atau sandwic, pai, muffin dan banyak lagi di kedai kopi paling popular di dunia. Starbucks Coffee terletak di Tingkat Satu, Menara D.



The Coffee Bean & Tea Leaf Malaysia

The Coffee Bean & Tea Leaf Malaysia terkenal dengan adunan yang mempunyai mutu tertinggi dengan campuran serbuk kopi yang sesuai serta barista yang sedia untuk memenuhi setiap keperluan anda. Ia terletak di Tingkat G, Menara C.



Ahh-Yum by Kampong Kravers

Nikmati masakan tempatan yang berkhasiat di kafe berkonsepkan kasual ini. Terletak di Tingkat G, Menara B.



Juice Lab

Anda mempunyai beraneka pilihan minuman di sini, sama ada jus segar atau smoothie atau buah potong. Terletak di Tingkat G, Menara B.



Family Mart

Kedai serbaneka dari Jepun ini menawarkan pelbagai barangan asas dan makanan snek yang dijual di satu lokasi sehati. Terletak di Tingkat G, Menara C.



ATM

Empat mesin ATM Maybank, HSBC, CIMB dan Public Bank boleh didapati di Tingkat G di Menara B, C dan D.



Wi-Fi Percuma

Wi-Fi Percuma boleh didapati di seluruh kawasan hospital.



Tempat Letak Kereta Bertingkat

Terdapat 1,470 lot letak kereta di Menara A dan Menara D. Terdapat dua lot dikhaskan untuk pemandu kurang upaya di setiap aras. Tempat letak kereta di Tingkat 2 dikhususkan untuk ibu mengandung serta keluarga bersama bayi.



Bilik Solat

Surau terletak di Aras 9 (perempuan), Menara D; Tingkat Bawah Tanah, Menara C (berhampiran Pusat Kanser); Tingkat Bawah Tanah, Menara B (bersebelahan makmal); dan tingkat 4, Menara A (bersebelahan Pusat Konvensyen SunMed).

Quiet Room (terletak di tingkat 3, Menara B) juga disediakan untuk orang bukan Islam, pelawat atau pesakit untuk berdoa.



Sekuriti

Pasukan keselamatan hospital ini diperkukuh dengan anggota Polis Bantuan yang mengawasi di sekitar kawasan hospital. Kamera litar tertutup CCTV berteknologi canggih dipasang di sekeliling kawasan hospital untuk melindungi pesakit dan pelawat.

Waktu Operasi:

24 jam sehari



Tandas

Tandas boleh didapati di semua tingkat hospital.



Bilik Bersalin

Kami mempunyai 9 bilik di Suite Perbidanan di Wad Bersalin.



Hospital Bebas Asap Rokok

Pusat Perubatan Sunway ditetapkan sebagai hospital bebas asap rokok untuk mewujudkan persekitaran yang sihat dan selamat untuk pesakit, pelawat dan pekerja kami. Kami mematuhi sepenuhnya peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, Akta Makanan dan Tembakau, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, dan Akta Kilang dan Jentera dalam memastikan semua premis di dalam kawasan hospital kekal bebas asap rokok. Di samping itu, penjualan produk tembakau tidak dibenarkan di hospital.



ICU/CCU/HDU

Sebahagian daripada Unit Rawatan Kritikal, ICU, CCU dan PICU/PHDU menyediakan perkhidmatan penjagaan kritikal bagi pesakit perubatan, pembedahan dan jantung, pediatrik dan warga emas. Unit-unit ini terletak di Tingkat 3, Menara B, manakala PICU/PHDU kami terletak di tingkat 4, Menara E.

Jumlah katil: 66

Unit Rawatan Rapi (ICU)

Menara B - 16

Unit Kebergantungan Tinggi (HDU)

Menara B - 18

Menara E - 15

Unit Rawatan Rapi Pediatrik (PICU)

Menara E - 17



Unit Nurseri & Terapi Foto

Nurseri untuk bayi baru lahir dilengkapi dengan kemudahan dan teknologi perubatan untuk pesakit di wad dan perkhidmatan penjagaan bayi 24 jam. Nurseri kami terdiri daripada 27 bakul bayi, satu bilik pengasingan, 10 katil fototerapi dan 1 Bilik Rawatan. Hanya ibu bapa yang memiliki tag pengenalan diri dibenarkan melawat bayi yang menjalani terapi foto. Sebarang lawatan atau pendaftaran keluar tanpa tag ini tidak dibenarkan. Nurseri terletak di Tingkat 3, Menara C.

Jururawat penyusuan akan memberi tunjuk ajar dan nasihat tentang cara menyusukan bayi. Masa bertugas beliau ialah:

8.30 pagi - 5.30 petang (Isnin - Jumaat)

8.30 pagi - 1.00 tengah hari (Sabtu)



Dewan Bedah

Dewan Bedah terletak di Tingkat 3 dan 4, Menara B, serta Tingkat 4, Menara D.

- 18 dewan bedah
- Dua suite mempunyai sambungan AV ke Pusat Konvensyen SunMed untuk siaran langsung prosedur pembedahan.



Pembedahan Jagaan Harian

Pembedahan Jagaan Harian ialah wad untuk pesakit yang pulang ke rumah pada hari yang sama (24 jam) setelah menjalani pembedahan. Penjagaan Harian terletak di Tingkat 4, Menara B.

- 16 katil dan 5 kerusi baring
- Terdapat kaunter untuk pesakit mendaftar masuk dan keluar

SunMed
CONVENTION CENTRE

Pusat Konvensyen SunMed

Salah satu kebanggaan Pusat Perubatan Sunway termasuklah mempunyai pusat konvensyen yang dikenali sebagai Pusat Konvensyen SunMed. Dewan serbaguna tersebut dapat memuatkan sehingga 500 orang dan mempunyai sambungan audio-visual kepada dua dewan bedah bagi membolehkan siaran langsung prosedur pembedahan ditayangkan. Kemudahan persidangan video juga boleh disediakan atas permintaan.

Pusat Konvensyen SunMed yang terletak di Tingkat 4, Menara A. Ia sesuai digunakan untuk seminar berkaitan kesihatan, latihan kakitangan, pameran, mesyuarat dan persidangan.

KEMUDAHAN PERUBATAN LAIN



Jabatan Pesakit Luar (Klinik Pakar)

Tel: 03 7491 9191

Jabatan Pesakit Luar kami menyediakan perkhidmatan rawatan pesakit luar yang berkaitan dengan pembedahan, perubatan pediatrik dan kepakaran dan subkepakaran obstetrik & ginekologi.

Waktu Operasi:

8.30 pagi – 5.00 petang (Isnin – Jumaat)

8.30 pagi – 1.00 tengah hari (Sabtu)

Tutup pada hari Ahad & Cuti Umum

Lokasi:

Tingkat 5, Menara A

Tingkat 1 & 2, Menara B

Tingkat 1, Menara C

Tingkat 4, 6, 7 dan 9,

Menara D



Perkhidmatan Cathlab

Bilik Cathlab terletak di Tingkat 3, Menara B. Unit ini menawarkan kateterisasi intervensi invasif yang elektif dan kecemasan untuk diagnosis dan rawatan menggunakan fluoroskopi seperti angiogram koronari, angiogram perifer, angiogram vaskular dan angiogram cerebral.

Waktu Operasi:

8.30 pagi – 5.30 petang (Isnin – Jumaat)

8.30 pagi – 1.00 tengah hari (Sabtu)

Tutup pada Sabtu, Ahad & Cuti Umum

44



Psikologi Klinikal

Tel: 03 7491 1280/ 03 7491 2896

Perkhidmatan Psikologi Klinikal di Pusat Perubatan Sunway menawarkan penilaian, perundingan, kaunseling dan khidmat intervensi psikologikal untuk membantu kanak-kanak, remaja dan orang dewasa yang mengalami pelbagai masalah emosi, tingkah laku dan pembelajaran. Antara keadaan yang lazim dirujuk kepada perkhidmatan ini termasuk diagnosis untuk gangguan spektrum autisme/sindrom kurang daya tumpuan/ hiperaktif, penilaian untuk prestasi sekolah dan pengurusan kegelisahan atau gejala kemurungan.

Waktu Operasi:

9.00 pagi – 5.00 petang (Isnin – Sabtu)

Ditutup pada hari Ahad dan Cuti Umum

Lokasi:

Tingkat 2, Menara B

Level 9, Tower D



Perkhidmatan Sokongan dan Penjagaan Paliatif

Tel: 03 7491 6417
/ 6411/ 1005

Perkhidmatan Sokongan dan Penjagaan Paliatif menyediakan pesakit dengan keadaan kesihatan yang terhad seperti kanser lanjutan, kegagalan organ peringkat akhir, penyakit neurodegeneratif dan demensia lanjutan dengan penilaian dan pengurusan simptom dan keperluan yang komprehensif menggunakan pendekatan pelbagai disiplin. Objektif perkhidmatan ini termasuklah meningkatkan kualiti hidup pesakit dengan memastikan kawalan simptom yang optimum, dan menyediakan sokongan psikososial, emosi dan rohani untuk pesakit dan keluarga mereka, serta penjagaan akhir hayat yang baik dan sokongan berkabung jika sesuai. Perkhidmatan ini disediakan kepada pesakit dalam, pesakit luar dan penjagaan paliatif di rumah.

Waktu Operasi:

9.00 pagi – 5.00 petang (Isnin – Jumaat)
9.00 pagi – 12.30 tengah hari (Sabtu)
Ditutup pada hari Ahad dan Cuti Umum

Lokasi:

Klinik Pesakit Luar,
Tingkat 5, Menara A
Pusat Kanser,
Tingkat Bawah Tanah, Menara C



Pejabat Rekod Perubatan

Tel: 03 7491 1131

Pejabat Rekod Perubatan terletak di Tingkat Bawah Tanah, Menara C.



Pusat Kajian Klinikal

Tel: 03 8601 1079

Pusat Penyelidikan Klinikal Sunway (SCRC) ditubuhkan bagi memudahkan dan menyokong kemajuan penjagaan kesihatan melalui penyelidikan dan ujian klinikal untuk meningkatkan akses pesakit kepada inovasi perubatan menerusi kerjasama dengan industri farmaseutikal dan peranti perubatan, universiti, dan pusat penyelidikan lain.



Pusat Dialisis

Tel: 03 7491 1135

Unit Nefrologi kami menawarkan beberapa jenis terapi penggantian buah pinggang untuk pesakit dengan penyakit buah pinggang peringkat akhir. Pusat tersebut dilengkapi dengan 59 unit mesin dialisis untuk menampung pesakit bukan hepatitis, Hepatitis B dan Hepatitis C. Ia juga mempunyai bilik pengasingan khusus untuk penyakit berjangkit. Kami juga menyediakan kaunseling untuk pesakit Penyakit Buah Pinggang Kronik dan penjaga tentang cara menguruskan penyakit bagi melambatkan perkembangannya.



Dialisis Peritoneal dan Pemindahan Buah Pinggang

Selain hemodialisis dan haemodiafiltrasi (HDF), jabatan nefrologi kami juga menawarkan dialisis peritoneal (CAPD dan APD) untuk pesakit. Menyedari kepentingan mempunyai penyelesaian jangka panjang untuk masalah kegagalan buah pinggang, kami juga mempunyai pasukan pemindahan buah pinggang berpengalaman yang terdiri daripada pakar perunding, pakar bedah dan penyelaras transplan untuk membantu pesakit bermula dari pemeriksaan awal sehingga pembedahan.

Pengurusan Penyakit Buah Pinggang Kronik

Bagi pesakit buah pinggang kronik (CKD), kami menawarkan kaunseling dan pendidikan percuma kepada pesakit serta penjaga tentang cara menguruskan penyakit tersebut. Sila WhatsApp/ hubungi pasukan kami di talian +6019-691 6300 untuk membuat janji temu.

Waktu Operasi:

7.00 pagi – 10.00 malam
(Isnin - Sabtu termasuk Cuti Umum)
Tutup pada Ahad

Lokasi:

Tingkat LG, Menara B dan
Menara C

Makmal

Tel: 03 - 74919191 Samb. 77000

Makmal patologi klinikal kami dianggotai oleh pakar terlatih dan berkemahiran yang menawarkan perkhidmatan berkualiti dan tepat pada masa. Makmal ini menyediakan pelbagai rangkaian diagnostik dan ujian pencegahan makmal. Ia merupakan makmal pertama di Malaysia yang telah dianugerahkan dengan standard pengiktirafan MS ISO 15189: 2007 untuk skop Patologi Kimia, Hematologi, Mikrobiologi, Histopatologi dan Cytologi. Makmal kami juga merupakan patologi klinikal pertama di Malaysia yang telah menerima Pengesahan Westgard Sigma.

Jabatan Phlebotomi	Lokasi	Masa Operasi
Menara A, Tingkat 5, Jabatan Pesakit Luar (OPD)	Bilik Pengambilan Darah, berhampiran Farmasi Satelit	7.00 pagi – 5.00 petang (Isnin-Jumaat) 7.00 pagi – 1.00 tengah hari (Sabtu)
Menara B, Tingkat LG	Bilik Pengambilan Darah, Makmal Utama berhadapan Kafe SunMed	7.00 pagi – 6.30 petang (Isnin- Jumaat) 7.00 pagi – 2.30 tengah hari (Sabtu)
Menara B, Tingkat 1, Jabatan Pesakit Luar	Bilik Pengambilan Darah, berhampiran Kaunter Pendaftaran	7.00 pagi – 5.00 petang (Isnin-Jumaat) 7.00 pagi – 1.00 tengah hari (Sabtu)
Menara B, Tingkat 2, Jabatan Pesakit Luar	Bilik Pengambilan Darah, berhampiran Kaunter Pendaftaran	7.00 pagi – 1.00 tengah hari (Isnin-Sabtu)
Menara C, Tingkat 1, Jabatan Pesakit Luar	Bilik Pengambilan Darah, berhampiran Kaunter Pendaftaran	7.00 pagi – 1.00 tengah hari (Isnin-Sabtu)
Menara C, Tingkat LG, Jabatan Pesakit Luar	Bilik Pengambilan Darah, berhampiran Klinik Onkologi	7.00 pagi – 1.00 tengah hari (Isnin-Sabtu)
Menara D, Tingkat 4, Jabatan Pesakit Luar	Bilik Pengambilan Darah, berhadapan Bilik Rawatan	7.00 pagi – 1.00 tengah hari (Isnin-Sabtu)
Menara D, Tingkat 5, Jabatan Pesakit Luar	Bilik Pengambilan Darah, berhadapan Bilik Rawatan	7.00 pagi – 5.00 petang (Isnin-Jumaat) 7.00 pagi – 1.30 tengah hari (Sabtu)
Menara D, Tingkat 6, Jabatan Pesakit Luar	Bilik Pengambilan Darah, berhadapan Bilik Rawatan	7.00 pagi – 1.00 tengah hari (Isnin-Sabtu)
Menara D, Tingkat 7, Jabatan Pesakit Luar	Bilik Pengambilan Darah, berhadapan Bilik Rawatan	7.00 pagi – 5.00 petang (Isnin-Jumaat) 7.00 pagi – 2.00 tengah hari (Sabtu)
Menara D, Tingkat 9, Jabatan Pesakit Luar	Bilik Pengambilan Darah, berhadapan Bilik Rawatan	7.00 pagi – 1.00 tengah hari (Isnin-Sabtu)



Makmal Hematologi Khas

Tel: 03 74919191 Ext. 29100

Makmal kami (mempunyai akreditasi daripada Kolej Pakar Patologi Amerika) menyediakan ujian seperti berikut:

- **Pengumpulan sel hematopoietik dan pengawetan krio** -
Pemindahan sel hematopoietik merupakan pendekatan kritikal untuk rawatan pelbagai penyakit malignan dan bukan malignan. Asas untuk pendekatan ini ialah keupayaan untuk menyimpan sel stem hemopoietik (HSC) untuk kegunaan masa hadapan. Pengawetan krio HSC yang cekap adalah penting untuk menjamin bahan sel berkualiti tinggi yang mengekalkan pluripotensi.
- **Pemprosesan Limfosit Donor** - Infusi limfosit penderma telah digunakan dalam pengurusan hematologi agresif yang berulang selepas pemindahan sel haematopoietik alogenik. Ia boleh menghapuskan penyakit residu minimum atau digunakan untuk menyelamatkan relaps hematologi, seterusnya mampu mendorong remisi berkekalan dalam sebilangan pesakit.



- **Imunofenotip** - Imunofenotip sitometri aliran ialah kaedah makmal yang mengesan kehadiran atau ketiadaan penanda sel darah putih (WBC) yang dipanggil antigen. Antigen ini ialah struktur protein yang terdapat pada atau dalam WBC. Kelompok khusus antigen ini biasanya terdapat pada atau dalam WBC, dan unik untuk jenis sel tertentu dan peringkat kematangan sel. Selain itu, corak antigen khusus pada sel abnormal yang ditemui dalam leukemia, limfoma, dan pelbagai myeloma. Imunofenotip sitometri aliran berguna dalam membantu mendiagnosis, mengelaskan, merawat dan menentukan prognosis kanser sel darah ini.
- **Fotoferesis Ekstrakorporeal** - Fotoferesis Ekstrakorporeal (ECP) ialah prosedur tanpa pembedahan yang canggih untuk merawat penyakit graft-versus-host (GVHD), komplikasi pemindahan sumsum tulang dan sel stem serta gangguan autoimun lain pada pesakit.

Waktu Operasi:

8.30 pagi – 5.00 petang (Isnin – Jumaat)

8.30 pagi – 1.00 petang (Sabtu)

Ditutup pada hari Ahad dan Cuti Umum

Lokasi:

Tingkat Bawah Tanah,

Menara C

Makmal Diagnostik Genetik dan Molekul

Tel: 03 – 7491 9191

Ext. 11140

Makmal kami menawarkan pelbagai perkhidmatan ujian molekul yang merangkumi penyakit berjangkit, onkologi molekul, hematologi molekul, sitogenetik dan ujian saringan genetik kepada pesakit. Kami bekerjasama rapat dengan pelbagai tenaga pakar (Pakar Penyakit Berjangkit, Pakar Onkologi, Pakar Obstetrik & Ginekologi, Pakar Kesuburan, Klinik Genetik, Pakar Patologi, dll) untuk memastikan pesakit menerima nasihat yang sesuai sebelum dan selepas menempah ujian genetik. Keputusan ujian genetik dan molekul digunakan oleh doktor dan pesakit untuk memantau perkembangan penyakit dan pilihan rawatan untuk membantu diagnosis klinikal, keputusan doktor tentang terapi yang berkaitan, dan untuk campur tangan awal gangguan genetik.

Waktu Operasi:

8.30 pagi – 5.00 petang (Isnin – Jumaat)

8.30 pagi – 1.00 petang (Sabtu)

Ditutup pada hari Ahad & Cuti Umum

Nota: Ujian COVID-19 RT-PCR

disediakan setiap hari,

termasuk hari Ahad & Cuti Umum.

Lokasi:

Tingkat LG, Menara B



Farmasi

Farmasi Pusat Perubatan Sunway menyediakan rangkaian perkhidmatan farmasi berkualiti yang komprehensif kepada pesakit dan pelanggan. Ini termasuk kepada pesakit dalam, pesakit luar, penyusunan semula ubat sitotoksik dan farmasi klinikal. Pengurusan farmasi mengikut syarat penyimpanan, proses pemantauan dan prosedur yang ketat bagi memastikan ubat berkualiti dan bekalan lain disalurkan kepada pelbagai jabatan di Pusat Perubatan Sunway dan pesakit mereka dengan cara yang berkesan, cekap dan tepat.

Waktu Operasi:

24 jam setiap hari

Lokasi:

*Tingkat G, Menara B
Tingkat G, Menara C
Tingkat G, A&E Pediatrik,
Menara D*

Waktu Operasi Farmasi Satelit Lain:

8.30 pagi - 6.00 petang (Isnin - Jumaat)

8.30 pagi - 2.00 petang (Sabtu)

Tutup pada Ahad & Cuti Umum



Radiologi

Tel: 03 7491 1011

Kami menyediakan pelbagai perkhidmatan diagnostik dan intervensi menggunakan peralatan teknologi yang berkualiti tinggi dan terkini.

Perkhidmatan yang disediakan di jabatan radiologi termasuk: Radiografi Digital, Radiografi Mudah Alih, Imbasan CT, 3T MRI, Ultrasound, Mammografi 3D Digital Lapangan Penuh, Fluoroskopi, Densitometri Mineral Tulang (BMD) dan prosedur intervensi seperti biopsi, aspirasi, saluran, stenting, trombolisis, embolisasi, ablasi, dan banyak lagi.

Waktu Operasi:

8.30 pagi - 5.30 petang (Isnin - Jumaat)

8.30 pagi - 1.00 tengah hari (Sabtu)

Tutup pada Ahad & Cuti Umum

Lokasi:

*Tingkat 4, Menara A
Tingkat G, Menara B
Tingkat G, Menara D
Tingkat 1, Menara D
Tingkat 2, Menara D
Tingkat 8, Menara D*



Makmal Kajian Tidur

Tel: 03 7491 9191 ext. 71050 / 71051

Makmal Kajian Tidur kami terletak di Tingkat 3, Menara B, merupakan bahagian yang menjalankan ujian untuk mendiagnosis masalah berkaitan tidur terutamanya Tidur Apnoea. Ujian ini akan dilakukan selama semalaman di dalam bilik yang menyerupai bilik tidur yang sebenar. Bagi pesakit yang disahkan mengalami Obstructive Sleep Apnea (OSA), kami menyediakan perkhidmatan percubaan CPAP untuk mengurangkan OSA, seterusnya meningkatkan kualiti tidur mereka.



Makmal Jantung Bukan Invasif

Tel: 03 7491 9191

Terdapat di Tingkat 1, Menara B dan Tingkat 5, Menara D, kami menawarkan pelbagai perkhidmatan bukan invasif untuk mendiagnosis keadaan jantung termasuk ekokardiogram, Ujian Stress Treadmill, Elektrokardiogram Berehat (ECG), Holter 24 jam & 48 jam, Pemantauan Tekanan Darah Ambulatori dan perakam irama jantung.



Pusat Diagnostik Khas

Tel: 03 7491 9191

Terdapat di Tingkat 1, Menara B, perkhidmatan yang ditawarkan termasuk Lithotripsy (rawatan untuk batu karang), Uroflowmetry, Electroencephalogram (EEG), kajian pengaliran saraf (NCS), kajian Evoked Potential (EP), ujian pernafasan untuk pesakit dengan penyakit paru-paru, ujian berjalan selama 6 minit, Spirometri, Pletismografi Badan, Isipadu Paru-paru, Kapasiti Resapan Paru-paru untuk Karbon Monoksida (DLCO) dan kajian Vaskular; Indeks Brakial Buku Lali (ABI) dan Fotopletismografi (Tekanan Jari dan Kaki).



Jabatan Saringan Neurologi

Tel: 03 7491 9191 Ext. 36201

Terdapat di Aras 6, Menara D, kami menawarkan pelbagai perkhidmatan Neurodiagnostik yang dilengkapi dengan teknologi terkini untuk mendiagnosis keadaan neurologi. Ujian termasuk Electroencephalogram (EEG), Nerve Conduction Study (NCS), kajian Evoked Potential (EP), Autonomic Function Test, Movement Disorder Analysis, ujian Blink Reflex, Electromyography dan ujian stimulasi Saraf Berulang dan prosedur Stimulasi Transkranial Magnetik.



Kedai Farmasi

Tel: 03 7491 1479

Farmasi Menara A ialah sumber utama barangan rawatan khas pesakit dan pelengkap kepada perkhidmatan sedia ada. Farmasi Menara A yang mengambil pendekatan mementingkan pesakit juga menawarkan bukan hanya maklumat dan nasihat tentang ubat tetapi juga program peningkatan kesihatan seperti program berhenti merokok. Farmasi Menara A terletak di Tingkat G, Menara B.

Waktu Operasi:

8.00 pagi – 8.00 malam (Isnin - Sabtu)

Tutup pada Ahad & Cuti Umum



Sunway Home Healthcare (SunMed@Home)

Tel: +60 19-216 6477

Sunway Home Healthcare ialah pusat yang menyediakan keperluan penjagaan kesihatan menyeluruh komuniti, termasuk penjagaan perubatan di rumah, kemahiran kejururawatan di rumah, penjagaan di rumah, fisioterapi di rumah, terapi nutrisi perubatan di rumah, dan penyewaan peralatan perubatan. Pasukan penjagaan kesihatan pelbagai disiplin kami menyediakan penjagaan berpusatkan pesakit dengan rawatan khusus seperti penjagaan luka, penjagaan selepas bersalin, rawatan strok atau pemulihan dan penjagaan paliatif.

Tel on-call: 019 216 6477 (9.00 pagi – 9.00 malam)

Waktu Operasi:

8.30 pagi - 5.30 petang (Isnin - Jumaat)

8.30 pagi - 1.00 tengah hari (Sabtu)

Tutup pada Ahad & Cuti Umum

Laman web: www.sunwayhomehealthcare.com.my

Pusat TCM Sunway

Tel: 03 5611 0599 / 03 5611 0600 (HQ)

Pusat TCM Sunway mengintegrasikan perubatan tradisional dan komplementari sebagai kaedah sampingan selari dengan perubatan moden untuk meningkatkan keberkesanan amalan klinikal dan teknologi moden. Ia menawarkan pelan rawatan peribadi dan bersesuaian untuk pesakit dengan memahami fungsi biasa dan proses penyakit, menekankan pencegahan penyakit dan menggalakkan keupayaan penyembuhan sendiri. TCM merangkumi beberapa amalan yang berbeza, termasuk perubatan herba Cina, terapi pemakanan, akupunktur, moxibusti, urut tui na, guasha dan banyak lagi.

Kepakaran TCM juga termasuk: Onkologi integratif, onkologi TCM, ginekologi dan kesuburan, ortopedik dan traumatologi, kesihatan lelaki, pediatrik, kesihatan mental, dermatologi, geriatrik, strok dan pemulihan sukan, pengurusan sakit, perubatan dalaman, pemulihan selepas pembedahan.

Waktu Operasi:

8.00 pagi – 6.00 petang (Isnin - Sabtu)

8.00 pagi - 1.00 tengah hari (Ahad)

Tutup pada Cuti Umum

Cawangan Kuching

Tel: 08 246 3791

WhatsApp: +6011-5953 7993 / +6011-2070 8480

Laman web: www.sunwaytcm.com

PUSAT KECEMERLANGAN

Melainkan terdapat perubahan, Waktu Operasi **Pusat Kecemerlangan** ialah:

8.30 pagi - 5.30 petang (Isnin - Jumaat)

8.30 pagi - 1.00 tengah hari (Sabtu)

Tutup pada Ahad & Cuti Umum



Pusat Tulang & Sendi

Tel: 03 7491 9191

Kami menawarkan rangkaian perundingan dan prosedur pembedahan yang komprehensif, bermula daripada nasihat dan penjagaan klinikal untuk kecederaan tulang, sendi, otot, ligamen dan tendon, kepada pembedahan penggantian sendi total yang mencipta sejarah menggunakan teknologi terkini dan kemudahan canggih, seperti endoskopik, prosedur invasif minimum dan robotik. Kami menawarkan terapi fizikal dan amalan intervensi untuk membantu pesakit mengatasi muskuloskeletal, kecederaan dan trauma berkaitan sukan, termasuk pemulihan, ubat-ubatan, suntikan, pendakap, but, tulang dan pembedahan, untuk kanak-kanak dan orang dewasa.

Kami juga pakar dalam rawatan tumor dan kanser yang menjejaskan tulang, rawan, otot dan bahagian yang berkaitan dengan Onkologi Ortopedik, serta pembedahan memanjangkan dan membina semula anggota badan.



Pusat Penjagaan Payudara

Tel: 03 7491 1472

Pusat Penjagaan Payudara di Pusat Perubatan Sunway bertujuan memberi pendekatan bersepadu dan holistik untuk memulihkan dan mengembalikan kesejahteraan dan keyakinan diri wanita mengenai isu berkaitan payudara. Matlamat kami adalah untuk meningkatkan capaian, koordinasi rawatan, pendidikan dan sokongan kepada mereka yang memerlukan penjagaan payudara.

Kami menyediakan pelbagai pemahaman yang lebih luas dan mendalam tentang kanser payudara, pembedahan dan/atau rawatan, rangkaian pakaian dan aksesori harian yang komprehensif untuk pesakit yang menjalani mastektomi dan kemoterapi.



Pusat Kesihatan & Pembangunan Kanak-kanak Tel: 03 7491 2896

Perkhidmatan kesihatan kanak-kanak kami menyediakan perkhidmatan penjagaan perubatan dan pencegahan untuk penjagaan kesihatan fizikal, mental dan tingkah laku bayi, kanak-kanak dan remaja dari 0 hingga 15 tahun. Pakar pediatrik kami mempunyai kepakaran untuk menyaring, mencegah, mendiagnosis, merawat dan menguruskan sebarang masalah kesihatan yang memberi kesan kepada pesakit muda.

Sebagai sebahagian daripada Pusat Kesihatan dan Perkembangan Kanak-kanak, kami mempunyai Jabatan Pembangunan Kanak-kanak yang berdedikasi, serta komited untuk menangani kebimbangan melibatkan perkembangan mereka.

Di jabatan ini, pasukan pelbagai disiplin kami terdiri daripada ahli psikologi klinikal, ahli fisioterapi, ahli terapi pertuturan, ahli terapi cara kerja, pakar audiologi, serta dilengkapi dengan bilik khusus seperti TRoom, iaitu satu persekitaran berteknologi tinggi khusus yang direka untuk memenuhi keperluan deria pesakit kecil kami. Ia merupakan yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara.

CDD juga mempunyai gim deria dan bilik terapi lain untuk menyediakan pendekatan holistik bagi menyokong keperluan unik anak anda, memastikan mereka menerima penjagaan yang disesuaikan dan intervensi yang diperlukan untuk perkembangan optik mereka.



Pusat Kanser Tel: 019-297 1185

Kami menawarkan rangkaian komprehensif perkhidmatan onkologi berdasarkan penyelidikan dan teknologi terkini. Pusat Kanser Sunway menduduki tempat ke-7 bagi Onkologi dalam tinjauan Hospital Khusus Terbaik Asia-Pasifik Newsweek 2023.

Pendekatan pasukan pelbagai disiplin, ditambah pula dengan penyelesaian rawatan moden terkini telah meletakkan kami di barisan hadapan dalam menawarkan pilihan rawatan yang khusus untuk pesakit dan membezakan kami daripada pendekatan "satu mesin sesuai untuk semua" supaya pesakit mendapat hasil klinikal terbaik.

Kami juga mengadakan mesyuarat lembaga tumor pelbagai disiplin untuk menyemak pesakit kanser dari perspektif eksklusif dan pelbagai disiplin. Mesyuarat itu membariskan doktor pakar daripada bidang berbeza untuk menyemak diagnosis pesakit untuk pengurusan hasil terbaik. Ia juga dilengkapi dengan Wad Kemoterapi Harian yang terdiri daripada enam katil, 29 kerusi sandar dan tiga bilik perseorangan untuk pesakit yang memerlukan rawatan onkologi.

Laman web: www.sunwaycancercentre.com



Pusat Pergigian

Tel: 03 7491 9191/ 1293

Pusat pergigian kami menawarkan perkhidmatan penjagaan mulut yang komprehensif termasuk pemeriksaan umum, penskalaan, penggilapan, rawatan untuk saraf dan gusi, gigi palsu, pengekstrakan, rawatan pergigian untuk kanak-kanak dan mereka yang mempunyai keperluan khas serta rawatan penyakit berkaitan maxillofacial. Pusat ini dilengkapi dengan kemudahan terkini untuk membantu semua prosedur tersebut.



Pusat Pengurusan Diabetes

Tel: 03 7491 1139/ 1149

Pusat Pengurusan Diabetes menawarkan pendidikan dan maklumat tentang diabetes. Ia juga bertujuan meningkatkan kesedaran tentang penyakit kronik ini kepada pesakit dan penjaga mereka. Pakar Endokrinologi kami bekerjasama dengan Jururawat Diabetes dan Pakar Pemakanan untuk memberi kaunseling kepada pesakit.



Pusat Kesihatan Penghadaman

Tel: +603-7491 9191

Pusat Kesihatan Penghadaman ialah pusat pelbagai disiplin yang terdiri daripada kepakaran Gastroenterologi & Hepatologi, Pembedahan Gastro-usus Atas, Pembedahan Hepatobiliari-Pankreas, Pembedahan Kolorektal, dan Pembedahan Bariatrik.

Perunding, pakar bedah dan pasukan kami menawarkan perundingan, pemeriksaan dan prosedur diagnostik dan rawatan untuk penyakit esofagus, perut, usus kecil dan besar, dubur, hati, pankreas, serta saluran hempedu.

Prosedur penjagaan harian seperti esofagogastroduodenoskopi (OGDS), kolonoskopi, Endoscopic Retrograde Cholangiopancreatography (ERCP), Endoskopi Ultrasound (EUS) dan Transient Elastography tersedia di Pusat Endoskop kami, termasuk prosedur lain seperti kapsul endoskop dan Magnetic Resonance Cholangiopancreatography (MRCP).



Pusat Telinga, Hidung & Tekak

Tel: 03 7491 9191

Telinga, Hidung dan Tekak (ENT) atau Otolaringologi ialah kepakaran perubatan yang berkaitan dengan telinga, hidung dan tekak, termasuk kepala dan leher. Beberapa keadaan yang berkaitan dengan cabang perubatan ini termasuk laringitis, sakit telinga, tinnitus, kehilangan pendengaran dan banyak lagi. Salah satu prosedur khusus yang dilakukan oleh pakar bedah ENT ialah pembedahan implan koklea untuk pesakit yang mengalami kehilangan pendengaran dua hala atau unilateral yang teruk.



Pusat Mata

Tel: 03 7491 6466 / 019 234 3510 (Talian Am) /
019 229 8672 (Talian Lasik)

Pusat Mata menawarkan rangkaian perkhidmatan penjagaan mata komprehensif bermula daripada pemeriksaan kepada diagnosis, rawatan dan pemulihan visual. Pakar perunding oftalmologi kami dengan sub-kepakaran dalam oftalmologi, seperti Glaukoma, Vitreoretinal, Oculoplastic, Retina Perubatan, Refraktif, Kornea & Penyakit Mata Luaran, dan Oftalmologi Pediatrik, turut dibantu oleh pasukan mahir yang terdiri daripada pakar optometris, pakar ortoptis, okular dan jururawat oftalmik berkelayakan pasca asas.

Kami menggunakan alat dan peralatan diagnostik mata yang canggih, ditambah dengan intervensi berasaskan bukti, bagi memastikan hasil visual yang optimum. Berbekalkan pengalaman lebih dua dekad, kami mengutamakan penjagaan berkualiti tinggi dan penuh belas kasihan untuk semua pesakit kami.

Waktu Operasi:

8.30 pagi - 5.00 petang (Isnin - Jumaat)

8.30 pagi - 1.00 tengah hari (Sabtu)

Tutup pada hari Ahad & Cuti Umum

Lokasi:

Tingkat 1, Menara B



Pusat Fertiliti

Tel: 019 338 1681

Di Pusat Fertiliti Sunway, kami bermatlamat untuk membantu individu dalam merealisasikan impian mereka untuk menimang cahaya mata. Pasukan pakar kami komited untuk menggabungkan penjagaan kesihatan berkualiti dengan pendekatan individu, mesra dan penuh kasih sayang, menggunakan kaedah rawatan yang kurang invasif yang sesuai dengan keperluan setiap individu.



Pusat Kaki & Buku Lali

Tel: 03 7491 9191

Menawarkan teknologi diagnostik, rawatan dan prosedur yang terkini untuk menawarkan rawatan podiatrik yang terbaik. Rawatan yang diberi melangkaui pembedahan; daripada penjagaan biasa kaki kepada rawatan inovatif untuk mempercepat penyembuhan.



Pusat Tangan & Pembedahan Mikro

Tel: 03 7491 1182

Pusat Tangan dan Pembedahan Mikro menawarkan teknik terkini dan pakar khusus dalam bidang rekonstruktif dan rehabilitasi tangan dan pergelangan tangan. Pakar bedah kami melakukan pembedahan di bawah pembesaran mikroskopik dengan peralatan yang direka khas untuk memperbaiki struktur, menyambung semula bahagian yang terputus dan membina semula tisu yang rosak.



Pusat Jantung, Paru-paru & Vaskular

Tel: 03 7491 9191

Pusat Jantung, Paru-paru & Vaskular memberikan perkhidmatan kepakaran jantung untuk mendiagnosis dan merawat penyakit jantung iskemik, masalah degupan Jantung, penyakit dan masalah vaskular. Kami merupakan pusat jantung komprehensif di mana rawatan diberikan secara bersepadu.



Pusat Kesihatan Mental

Tel: +603-7491 9191 / 5566 9191

Pusat Kesihatan Mental menyokong pendekatan holistik terhadap penjagaan kesihatan dengan memupuk aspek psikososial penyakit fizikal. Pasukan psikiatri dan ahli psikologi klinikal kami akan berusaha untuk membantu orang ramai dalam menangani cabaran kehidupan harian, tekanan emosi dan isu kesihatan mental.



Pusat Neurosains

Tel: 03 7491 9191

Di Pusat Perubatan Sunway, kami berbangga dengan rawatan holistik dan berpusatkan pesakit bagi merawat keadaan neurologi. Pakar saraf dan pakar bedah saraf kami yang tersohor disokong oleh teknologi pengimejan terkini untuk mengesan dan mendiagnosis lesi otak. Ia dilengkapi lagi dengan teknologi radiosurgeri stereotaktik bukan invasif Gamma Knife dan mikroskop neurosurgical untuk membuang tumor dengan teliti.

Mengekalkan komitmen kami untuk menyediakan penjagaan strok yang cemerlang, kami telah menerima Angels Awards daripada Pertubuhan Strok Dunia selama empat tahun berturut-turut sejak 2020.

Kami menyedari beban dan kesan kepada pesakit dan keluarga mereka apabila menghidap penyakit neurologi. Oleh itu, kami menawarkan penjagaan pesakit yang komprehensif melalui Pusat Pemulihan dan Penjagaan Kesihatan Di Rumah dengan tujuan untuk mengoptimumkan dan mendapatkan semula kehilangan fungsi akibat penyakit neurovaskular.



Pusat Perubatan Nuklear

Tel: 011 5554 8519

Perubatan Nuklear ialah bidang kepakaran perubatan yang melibatkan penggunaan bahan farmaseutikal radioaktif untuk mendiagnosis dan merawat penyakit. Dalam perubatan nuklear diagnostik, single-photon emission computed tomography-computed tomography (SPECT-CT) dan positron emission tomography-computed tomography (PET-CT) merupakan dua modaliti pengimejan hibrid yang paling biasa digunakan. Pengimejan perubatan nuklear berbeza daripada radiologi kerana penekanan adalah pada fungsi, serta aktiviti metabolik tisu dan organ.

Dalam terapi perubatan nuklear, radiofarmaseutikal khas yang mempunyai kesan jarak dekat digunakan untuk memusnahkan sel-sel yang tidak normal. Rawatan ini juga dikenali sebagai terapi radionuklid terpilih; kerana radiofarmaseutikal tersebut secara selektif menyinari dan merosakkan sel-sel abnormal sambil mengehadkan pendedahan radiasi kepada tisu sihat.



Pusat Perubatan Rehabilitasi

Rawatan rehabilitasi kami diterajui gabungan pakar dan perunding kesihatan sekutu serta dilengkapi dengan kemudahan terkini dan canggih serta peranti, seperti Peranti Pemulihan Robotik dan Maya. Jabatan Perubatan Rehabilitasi di Pusat Perubatan Sunway menyediakan perkhidmatan pemulihan rehabilitasi yang lancar kepada pesakit dan ahli keluarga dan penjaga mereka. Pasukan dinamik kami terdiri daripada:

- Pakar Perubatan Rehabilitasi
- Ahli Terapi Pekerjaan
- Ahli Fisioterapi
- Ahli Fisiologi Senaman

Waktu Operasi:

8.30 pagi - 5.30 petang (Isnin - Sabtu)

Tutup pada hari Ahad & Cuti Umum

Tel: 03 7491 1101/1102
(Jabatan Perubatan Pemulihan,
Menara B)

Tel: 03 7491 33044
(Jabatan Perubatan Pemulihan,
Menara D)

Lokasi:

Tingkat Bawah, Menara B

Tingkat 3, Menara D



Pusat Radiologi & Intervensi

Tel: 03 7491 1011

Kami menawarkan pelbagai jenis prosedur intervensi diagnostik dan terapeutik radiologi dengan peralatan berpandukan imej canggih seperti X-ray fluoroskopi, ultrasound, tomografi berkomputer (CT) dan angiografi. Kebanyakan prosedur radiologi intervensi adalah invasif minimum yang mengurangkan risiko dan kesakitan. Ia juga membolehkan pesakit pulih dengan cepat dan penginapan lebih singkat di hospital. Pakar radiologi intervensi dan pasukan sokongan kami adalah sangat terlatih dalam memberikan penjagaan dan rawatan terbaik kepada pesakit.



Pusat Renal & Dialisis

Tel: 03 7491 1101

Pusat Perubatan Sunway menawarkan kemudahan diagnostik dan rawatan lanjutan untuk pesakit penyakit buah pinggang kronik, termasuk pediatrik, yang merangkumi peralatan pengimejan, sokongan makmal komprehensif dan perkhidmatan dialisis. Kami menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuk penjagaan pencegahan, kemudahan diagnostik, pengurusan perubatan, akses kepada penciptaan serta perkhidmatan pemindahan buah pinggang. Disebabkan keadaan penghidap penyakit buah pinggang yang rumit, pusat kecemerlangan ini turut bekerjasama dengan subkepakaran perubatan lain seperti kardiologi, endokrin, urologi, pembedahan, penjagaan dietetik, oftalmologi dan penjagaan luka untuk menyediakan penjagaan holistik untuk pesakit dewasa serta kanak-kanak.

Perkhidmatan yang ditawarkan termasuk:

- Kaunseling percuma mengenai penyakit buah pinggang kronik dan penggantian buah pinggang pilihan terapi
- Hemodialisis
- Haemodiafiltrasi
- Dialisis peritoneal (Ambulatori Automatik dan Berterusan)
- SLEDD (diafiltrasi harian berkecekapan rendah berterusan) untuk dialisis akut
- CRRT (terapi penggantian buah pinggang berterusan) untuk dialisis akut
- Pemindahan Buah Pinggang



Pusat Rawatan Tulang Belakang

Tel: 03 7491 9191

Pasukan Pusat Rawatan Tulang Belakang yang terdiri daripada Pakar Bedah Tulang Belakang dan Ahli Fisioterapi menjaga bahagian struktur manusia yang penting ini. Perkhidmatan yang ditawarkan termasuk pemerhatian, rawatan dan kajian khususnya untuk merawat sakit belakang dan keadaan berkenaan tulang belakang.



Pusat Pembedahan Robotik & MIS

Tel: 012 456 1219

Pusat Perubatan Sunway ialah hab pembedahan untuk sistem pembedahan robotik terkini di Malaysia. Sistem Pembedahan da Vinci membolehkan pakar bedah melakukan pembedahan melalui beberapa hirisan kecil dengan kejelasan penglihatan 3D yang tiada tandingan dan instrumen rekaan seakan pergelangan tangan yang boleh membengkok dan berputar lebih baik daripada tangan manusia.

Ia membolehkan pakar bedah menggerakkan instrumen dengan mudah dan cekap, lantas memberikan kawalan yang lebih baik semasa pembedahan. Teknologi robotik mampu membuatkan pembedahan biasa hingga kompleks dengan cara invasif minimum. Ia menawarkan kelebihan seperti mengurangkan kesakitan, kurang komplikasi dan pemulihan yang lebih cepat. Selain itu, penggunaan Mako SmartRobotics dan Sistem Lutut Rosa menyesuaikan pembedahan penggantian sendi mengikut keperluan pesakit bagi memastikan implan muat dengan sempurna dan menghasilkan ketepatan yang lebih tinggi dalam pembedahan.



Pusat Urologi

Tel: 03 7491 9191

Urologi ialah kepakaran pembedahan yang menangani penyakit saluran kencing & reproduktif lelaki dan penyakit kencing pada wanita. Ini termasuk penyakit yang menjejaskan pundi kencing, uretra, ureter, buah pinggang dan kelenjar adrenal, serta epididimis, zakar, prostat, vesikel mani dan testis khususnya pada lelaki. Kami menawarkan perkhidmatan urologi yang komprehensif merangkumi pemeriksaan dan diagnosis kepada analisis makmal, rawatan dan pembedahan yang disokong oleh pasukan dari jabatan Diagnostik Khas menggunakan teknologi terkini.

Penyakit urologi adalah termasuk:

- Buah pinggang, ureter dan batu pundi kencing
- Pundi kencing yang terlalu aktif
- Disfungsi seksual
- Jangkitan urologi
- Hiperplasia Prostatik Benign (pembesaran prostat)
- Inkontinens kencing
- Kemandulan lelaki
- Kanser buah pinggang, prostat, pundi kencing, testis, zakar dan uretra



Pusat Kesihatan Wanita

Tel: 03 7491 9191

Pusat Kesihatan Wanita berperanan untuk menyokong setiap aspek perjalanan kesihatan wanita. Bermula daripada pemeriksaan ginekologi, pap smear hinggalah penjagaan antenatal, pasukan kami komited untuk menyediakan perkhidmatan yang diperibadikan dan penuh belas kasihan bagi memenuhi keperluan unik setiap wanita.

Berbekalkan kepakaran khusus ini, kami memastikan wanita menerima standard penjagaan tertinggi, memperkasakan mereka untuk mengemudi kesihatan mereka dengan yakin dan selesai.



Pusat Geriatrik

Tel: 03 7491 9191

Pasukan pakar geriatrik berpengalaman kami yang berdedikasi bekerjasama dengan pasukan profesional penjagaan kesihatan pelbagai disiplin untuk menyelaraskan dan meningkatkan keperluan penjagaan pesakit warga emas dan ahli keluarga mereka.

Kami menyediakan pelbagai perkhidmatan yang bertujuan untuk mempromosikan kesejahteraan fizikal dan mental warga emas melalui penilaian geriatrik yang komprehensif dan perancangan penjagaan individu. Perkhidmatan kami termasuk promosi kesihatan, pencegahan, pengurusan pelbagai komorbiditi yang kompleks, pemulihan dan penjagaan di rumah.



Pusat Kulit

Tel: 03 7491 9191

Pusat Kulit menawarkan penjagaan khusus menggunakan kaedah terbaik untuk merawat masalah kulit perubatan dan estetik meliputi setiap peringkat umur termasuk prosedur pembedahan kecil dan pelbagai terapi dermatologi seperti fototerapi dan rawatan laser. Pasukan pakar dermatologi berpengalaman kami mahir dalam mendiagnosis, merawat dan memulihkan pelbagai keadaan kulit yang komprehensif dengan standard tertinggi menggunakan rawatan berkesan, beretika dan terbukti secara saintifik.



Pusat Transplan

Tel: 03 7491 9191

(Buah Pinggang, Kornea, Koklea, Sumsum Tulang & Sel Stem)

Pusat Transplan komited untuk menyediakan penjagaan pemindahan dan kepakaran perubatan terbaik bagi menyokong pesakit dan keluarga mereka dalam pengurusan kegagalan organ peringkat akhir, serta melalui proses perubatan dan pentadbiran yang kompleks semasa melakukan persediaan untuk menjalani pemindahan penderma hidup.

Pesakit boleh meletakkan kepercayaan kepada pasukan pemindahan buah pinggang, kornea, koklea, sum-sum tulang dan sel stem kami yang terdiri daripada profesional dari pelbagai kepakaran perubatan, dan bersedia untuk membantu melalui prosedur yang kompleks dan penting ini.

Bermula daripada penilaian pra-pemindahan yang ketat bagi kedua-dua penderma dan penerima, kepada pemantauan rapi selepas pembedahan, pesakit akan dibimbing dengan penuh perhatian dalam setiap langkah. Penyelaras transplan, pakar diet dan ahli pasukan penjagaan kesihatan bersekutu akan terus menawarkan nasihat biarpun selepas beberapa bulan menjalani pembedahan.

PERKHIDMATAN LAIN



Perkhidmatan Dietetik & Pemakanan

Tel: 03 74919191

samb: 71152 / +6012 774 7962

Pasukan pakar diet yang berkelayakan dan berdedikasi kami menyediakan terapi pemakanan perubatan berasaskan bukti, kaunseling dan pendidikan kepada pesakit dan ahli keluarga dalam menguruskan diagnosis pemakanan yang berkaitan dengan penyakit. Apabila dimasukkan ke hospital, pakar diet akan melakukan penilaian kekurangan zat makanan dan menyediakan rancangan makanan khas, sokongan pemakanan oral atau rejim pemakanan buatan kepada pesakit yang memerlukan keperluan khas untuk menyokong proses pemulihan mereka. Pasukan sokongan kami, Juruteknik Diet akan membantu pesakit membuat pilihan makanan yang betul dan sesuai dengan keadaan perubatan mereka.

Pasukan Pakar Diet kami juga menyediakan perkhidmatan berasaskan komuniti misalnya ceramah kesihatan, bengkel, analisis menu untuk hotel dan sekolah. LEAN Club ialah program pengurusan berat badan kami yang direka khas untuk kanak-kanak dan orang dewasa.

Kami menyediakan produk pemakanan khusus untuk pesakit yang dimasukkan ke hospital dan di klinik pesakit luar. Sila rujuk kepada pakar diet untuk mendapatkan suplemen pemakanan yang sesuai untuk anda dan orang tersayang.

Waktu Operasi:

Isnin- Jumaat (8.30 pagi – 5.30 petang)

Sabtu (8.30 pagi – 1.00 tengah hari)

Tutup pada hari Ahad & Cuti Umum

Lokasi:

Tingkat 5, Menara A, Pusat

Perkhidmatan Dietetik &

Pemakanan

**Pusat Pertuturan & Pendengaran**

Tel: 03 7491 1280 / 012 7747 657

Pasukan dinamik di Pusat Pertuturan & Pendengaran Sunway yang terdiri daripada Pakar Audiologi dan Ahli Terapi Pertuturan-Bahasa komited untuk melakukan perubahan positif dengan meningkatkan potensi orang yang mengalami masalah komunikasi dan menelan.

- Program Implan Koklear
- Perkhidmatan saringan, diagnostik dan pemulihan yang lengkap dalam bidang Audiologi dan Terapi Pertuturan-Bahasa disediakan untuk semua orang di setiap peringkat umur
- Penilaian Saringan Pendengaran untuk Bayi Baru Lahir
- Penilaian Menelan dan Rawatan

Waktu Operasi:*8.00 pagi – 5.30 petang (Isnin – Sabtu)**Ditutup pada hari Ahad & Cuti Umum***Lokasi:***Tingkat 2, Menara A***Pusat Pemeriksaan Kesihatan**

Tel: 03 7491 1198

Pusat Pemeriksaan Kesihatan kami menawarkan program saringan dan perundingan peribadi oleh Pegawai Perubatan Residen dan Pakar dalam perubahan gaya hidup untuk menangani risiko kesihatan seperti penyakit jantung ischemik, hipertensi, diabetes mellitus, hiperkolesterolemia dan penyakit lain.

Waktu Operasi:*8.00 pagi – 5.00 petang (Isnin – Jumaat)**8.00 pagi – 1.00 tengah hari (Sabtu)**Tutup pada hari Ahad & Cuti Umum***Lokasi:***Tingkat 4, Menara A**Tingkat 8, Menara D*

TANGAN YANG BERSIH MENYELAMATKAN NYAWA

APAKAH PERANAN ANDA SEBAGAI PESAKIT?

- Beranikan diri anda untuk mengingatkan kakitangan penjagaan kesihatan anda untuk membersihkan tangan mereka sebelum melayan anda.
- Mengingatkan pelawat untuk membersihkan tangan mereka sebelum dan selepas melawat anda.
- Mengingatkan diri sendiri agar sentiasa memastikan tangan anda bersih.

MENGAPAKAH PENTINGNYA MEMBERSIHKAN TANGAN ANDA?

- Untuk mencegah penyebaran penyakit
- Untuk mengurangkan kehadiran bakteria di tangan anda
- Untuk memastikan anda dan orang tersayang sihat

64



CARA TERBAIK MEMBERSIHKAN TANGAN ANDA

Apakah Langkah-langkah Yang Betul untuk Mensanitasi Tangan?

Jika tiada kekotoran yang jelas pada tangan, bersihkan tangan dengan pensanitasi tangan selama sekurang-kurangnya

20 - 40 saat

1. Litupi jari-jari tangan kanan dengan cairan pensanitasi tangan di telapak tangan kiri. Kemudian, tuangkan segenggam cairan pensanitasi tangan ke telapak tangan kanan yang ditangkupkan, dan litupi semua jari tangan kiri ke dengan cairan pembersih tangan sekali lagi



2. Gosokkan tangan dari telapak tangan ke telapak tangan

3. Gosokkan telapak tangan kanan ke atas bahagian belakang tangan kiri dengan jari-jari yang dijalinan, dan juga sebaliknya



4. Gosokkan dari telapak tangan ke telapak tangan dengan jari-jari yang dijalinan

5. Gosokkan bahagian belakang jari-jari ke telapak tangan yang satu lagi dengan jari-jari yang saling dipautkan



6. Gosokkan secara berputar ibu jari kiri yang digenggamkan ke ibu jari kanan, dan juga yang sebaliknya

** Bagi prosedur yang melibatkan pergelangan tangan, pergelangan tangan kanan perlu digosokkan secara berputar dengan telapak tangan kiri, dan juga sebaliknya*

Apakah Langkah-langkah Yang Betul untuk Mencuci Tangan Anda dengan Sabun dan Air?

Jika tangan kelihatan kotor, tangan anda perlu dibersihkan selama sekurang-kurangnya

40 - 60 saat



1. Gosokkan tangan dari telapak tangan ke telapak tangan



2. Gosokkan telapak tangan kanan ke atas bahagian belakang tangan kiri dengan jari-jari yang dijalinan, dan juga sebaliknya



3. Gosokkan dari telapak tangan ke telapak tangan dengan jari-jari yang dijalinan



4. Gosokkan bahagian belakang jari-jari ke telapak tangan yang satu lagi dengan jari-jari yang saling dipautkan



5. Gosokkan secara berputar ibu jari, diikuti dengan kawasan antara jari telunjuk dan ibu jari




6. Gosokkan hujung jari atas telapak tangan untuk kedua-dua tangan

** Bagi prosedur yang melibatkan pergelangan tangan, pergelangan tangan kanan perlu digosokkan secara berputar dengan telapak tangan kiri, dan juga sebaliknya*


LAPORAN DAN TELEKONSULTASI



1 MUAT TURUN aplikasi Sunway Medical Sunway City



2 LOG MASUK atau DAFTAR
Pastikan alamat emel anda adalah sah




3 TAMBAH PROFIL PESAKIT
Semak sekiranya nombor telefon anda didaftarkan dengan betul dalam sistem hospital

66

CARA MENGAKSES LAPORAN DALAM TALIAN ANDA



4 Pergi ke LAPORAN



5 Pilih PROFIL PESAKIT

CARA MENYERTA SESI TELEKONSULTASI ANDA



4 Pergi ke JANJI TEMU



5 Tekan SERTA BILIK VIDEO

Sekiranya anda memerlukan sebarang bantuan, sila maklumkan kepada kakitangan kami

ONLINE REPORT

LAPORAN DALAM TALIAN

在线报告

NAME/ NAMA/ 名字:

DATE/ TARIKH/ 日期:

- 1) **Scan the QR Code to download the app.**
Imbas kod QR untuk memuat turun aplikasi.
扫描二维码并下载应用程序。
- 2) **Tap the "ME" and enter your email.**
Tekan butang "ME" dan masukkan emel.
点击*我*键并输入您的电子邮件。
- 3) **Create an account with your details and password.**
Cipta akaun baru dengan butiran maklumat dan kata laluan anda.
填写个人资料及密码以创建个人账户。
- 4) **Add a patient profile, select an identity type, and submit a one-time password (OTP).**
Tambah profil pesakit, pilih jenis identiti dan masukkan kata laluan satu kali (OTP).
添加患者资料,选择身份类型并输入一次性密码(OTP)。
- 5) **Click on the report icon and enter your date of birth to view your images and reports.**
Tekan butang laporan and masukkan tarikh lahir untuk melihat paparan imej dan laporan anda.
点击*报告*图标,输入您的出生日期以查看图像和报告。
- 6) **You may view images and reports for up to three (3) months. Please download the selected materials if you want to save longer than three (3) months.**
Imej dan laporan anda boleh dilihat dalam masa 3 bulan. Sila muat turun bahan yang diperlukan jika anda ingin menyimpan lebih lama daripada 3 bulan.
图像以及报告可在3个月内被查阅。如需保存3个月或以上,请自行下载。

**SCAN THE
QR CODE**

IMBAS KOD QR

扫描以下二维码



SUNWAY
MEDICAL CENTRE
Sunway City Kuala Lumpur

Sunway Medical Centre Sdn Bhd

199501012653 (341855-X)

No. 5, Jalan Lagoon Selatan,
Bandar Sunway,
47500 Subang Jaya, Selangor,
Malaysia.

☎ +603-7491 9191 / 5566 9191

📠 +603-7491 8181

✉ smc@sunway.com.my

Cari kami di:



🌐 sunwaymedical.com



OCT2024



Joint Commission
International (US)



The Australian Council
on Healthcare Standards



Malaysian Society
for Quality in Health



European Society
for Medical Oncology



SAMM 306



CERTIFIED TO ISO 45001:2018
CERT. NO.: OHS 00928



CERTIFIED TO ISO 45001:2018
CERT. NO.: MY - OHS 00928



The Royal College of Pathologists of Australia



COLLEGE of AMERICAN PATHOLOGISTS

Accreditation for
Special Haematology Lab

